

Nyamuk aedes

■ Tabiat

- Dikenali dengan kakinya yang berbelang hitam putih.
- Hanya menggigit pada waktu pagi dan senja.
- Membiak dalam air jernih yang bertakung di dalam dan luar rumah.
- Kitaran hidup aedes iaitu daripada telur, jentik-jentik, kepompong dan bertukar menjadi nyamuk dewasa dalam satu minggu.

■ Tanda demam

- Demam kuat secara mengejut dan berterusan.
- Ruam merah pada kulit.
- Sakit teruk pada tulang, otot, sendi, mata dan kepala.
- Hilang selera makan.
- Muntah-muntah.
- Sakit perut.
- Pendarahan pada badan, hidung dan mulut.

■ Kawalan pencegahan

- Hapuskan tempat pembiakan
 - Tutup semua bekas menyimpan air.
 - Salin, basuh dan berus hingga bersih pasu bunga, alas pasu, kolah dan semua tempat takungan air.
 - Bersihkan saluran air hujan dan buang bekas takungan air di halaman.
 - Masukkan ubat pembunuh jentik-jentik (abate) mengikut sukatan iaitu 10 gram bagi 20 gelen (91 liter) air setiap tiga bulan.
- Hapuskan nyamuk dewasa
 - Gunakan racun serangga di rumah.
 - Pasang jaring serangga pada tingkap.
 - Semburan kabus (dilakukan pihak berkuasa tempatan).

Cegah demam denggi

Kempen kesedaran penting untuk wujud kebersihan kawasan



PENERANGAN kepada pelajar sekolah mampu memberi kesedaran bahaya nyamuk aedes.

punyai potensi tinggi penyebaran denggi jarang mengambil langkah pencegahan berikutan tahap pemahaman yang rendah mengenai pengetahuan serangan penyakit berkenaan. Berikutan itu, kempen pendidikan untuk meraih kesedaran masyarakat dan pengetahuan berkaitan denggi amat diperlukan.

Timbalan Pengerusi Fumakilla, Brian Tan, berkata pihaknya yakin bahawa usaha meningkatkan kesedaran adalah kaedah terbaik untuk menentang penularan denggi dan bertepatan dengan ungkapan pencegahan lebih baik daripada mengubati.

"Kempen 'Kawal Aedes' ini mengandungi beberapa siri program pendidikan termasuk seminar interaktif dan pameran. Aktiviti ini akan dijalankan di sekolah dan pusat komuniti untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan isu denggi. Sebagai tambahan, garis panduan kawalan denggi dihebahkan kepada umum menerusi ceramah bagi mendidik masyarakat khususnya generasi muda untuk mencegah denggi.

"Setakat ini, sambutan memberangsangkan diterima daripada setiap sekolah yang terbabit dalam inisiatif ini.

Kita juga turut bekerjasama dengan pelbagai lapisan

masyarakat di Malaysia untuk meminimumkan risiko jangkitan kepada insan tersayang," katanya.

Tan berkata, Fumakilla juga menugaskan sekumpulan kakitangannya yang terlatih bersama Unit Pendidikan Bergerak mengunjungi beberapa sekolah rendah sejak awal April.

Katanya, kumpulan itu akan mendidik pelajar berkaitan isu denggi seperti simptom demam denggi, jangkitan denggi, kaedah kawalan dan pelbagai fakta menarik mengenai nyamuk.

"Unit Pendidikan Bergerak juga meletakkan sasaran

untuk menjelajah lebih banyak tempat membatikan masyarakat setempat dan organisasi korporat untuk menyampaikan mesej yang sama. Menerusi kempen ini, Fumakilla yakin kesedaran mengenai denggi boleh dicapai apabila dijalankan secara berterusan sekali gus melengkapkan usaha yang dijalankan Kementerian Kesihatan.

"Orang ramai juga boleh menjemput Fumakilla untuk mengadakan ceramah anti-denggi di kawasan kejiranan mereka menerusi e-mel ke alamat kawal-aedes@fumakilla.com.my," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah (Entomology), Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan, Aparow Sannasi, berkata hingga kini, masih tiada penawar untuk denggi dan lebih buruk, tanpa rawatan sempurna dan penjagaan rapi, denggi boleh membawa padah.

Katanya, adalah penting untuk memastikan persekitaran kawasan sentiasa bebas daripada denggi terutama dengan adanya kanak-kanak dan warga emas dalam keluarga, malah usaha proaktif amat diperlukan untuk mengawal penyebaran denggi.



Oleh Sariha Mohd Ali
sariha@bharian.com.my

UMUM sudah mengetahui bahaya wabak demam denggi dan pelbagai pihak berusaha mengatasi masalah itu dengan memastikan kawasan persekitaran bersih daripada menjadi lubuk pembiakan nyamuk aedes. Berdasarkan statistik sehingga 18 April lalu, sebanyak 16,684 kes denggi membatikan 40 kematian dilaporkan di seluruh negara dan jumlah ini jauh lebih tinggi daripada tempoh sama tahun lalu yang mencatatkan 11,386 kes dengan 29 kematian.

Angka ini sememangnya membimbangkan, menyebabkan Kementerian Kesihatan melakukan pementauan bagi mengenal pasti kawasan yang dikategorikan sebagai 'panas' bagi pembiakan nyamuk aedes.

Serangan demam denggi tidak mengira mangsa sama ada tua atau muda. Susulan itu, kerjasama seluruh ahli masyarakat termasuk syarikat korporat diperlukan dalam usaha memerangi wabak ini daripada terus berkembang.

Pengeluar produk racun serangga, Fumakilla (M) Berhad (Fumakilla), contohnya, mengambil langkah proaktif menjayakan kempen 'Kawal Aedes' untuk menghindari pembiakan jentik-jentik aedes yang boleh menyebabkan jumlah kehilangan nyawa menjadi lebih tinggi.

- Kajian menunjukkan penduduk di kawasan yang mem-